

RAMPAIAN DARI SEBULAN KE SEBULAN

Pertubuhan Islam Selangor di dalam risalahnya menyebut hari raya telah berkata bahawa zahirnya umat Islam Indonesia senang hati tentang kedudukannya di dalam kemerdekaan sekarang tetapi mereka itu sebenarnya bimbang atas kedudukan dan perkembangannya. “Parti-parti Islam sama ada Musyami dan lain-lainnya telah menzahirkan rasa kebimbangan mereka terhadap kepada orang-orang yang tidak jujur kepada Islam dan juga parti-parti yang bukan berdasarkan Islam yang mana kekuasaan agama dipegang oleh mereka itu. Rasa kebimbangan itu semakin memuncak apabila presiden Sukarno di dalam ucapannya telah menyatakan sikapnya terhadap negara Islam.” Melihat sikap itulah, dengan mempunyai keyakinan bahawa seseorang yang dinamakan Islam itu mestilah menjalankan kewajibannya bukan sahaja tentang ibadatnya tetapi di dalam segala-galanya untuk kemuliaan agamanya menjadikan ia bertanya: “Apakah agama yang dianut Sukarno? Tidakkah pernah Sukarno mempelajari Islamisme daripada Kiyai Hasan Bandung? Apakah tujuan pidato Sukarno? Mungkinlah wahai umat Islam sama ada pidato itu untuk memperkuat kedudukan Islam di Indonesia atau untuk mengecewakan cita-cita 90 peratus umat Islam Indonesia yang berhasrat supaya Indonesia menjadi sebuah negara Islam merdeka.”

Siaran pertubuhan Islam Selangor itu tentu tidak luas. Akhbar utusan Melayu 12 Julai 1953 telah meringkaskan perkara-perkara yang tersebut di atas dengan katanya : “Rencana pengarang itu kemudia menyentuh presiden Sukarno yang telah menyatakan sikapnya terhadap rancangan mendirikan sebuah negara Islam di Indonesia dalam satu ucapannya di Kalimantan yang menyebabkannya kena bidas oleh parti-parti Islam seperti Masyumi dan lain-lain. “Apakah agama yang dianut

oleh Sukarno” tanya rencana pengarang itu.

Dengan cara ringkasan yang demikian ini tentu dengan mudah pertubuhan Islam Selangor itu akan terdedah kepada serangan orang-orang yang tidak membaca rencana aslinya. Yang demikian orang Islam yang tenang fikirannya tentu akan bertanya apakah tujuan akhbar itu dengan cara siarannya yang demikian terhadap kepada orang-orang Islam? Adakah yang demikian disengaja dengan suatu pandangan bahawa pertubuhan Islam Selangor diracun kepada umat supaya mati dan tinggal anasir-anasir siyash yang akan memfaraidkan Malaya ini kepada semua anak-anak dagang yang boleh dipengaruhi oleh mereka supaya mengikut faham merah? Adakah mereka berasa gusar dengan adanya pertubuhan Islam Selangor itu kerana pertubuhan itu nanti akan menjauhkan orang-orang Islam daripada faham-faham merah?

Selain daripada itu didatangkan tuduhan pula, entah dengan tujuan apa, bahawa pertubuhan Islam Selangor itu tidak mahu merdeka. Sepanjang yang kita baca bahawa pertubuhan Islam Selangor mahu merdeka tetapi kemerdekaannya tidak mahu terjual kepada bangsa Cina bangsa Indian dan mereka mahu merdeka daripada penjajahan yang telah-memijak-mijak dan merampas hak-hak mereka dengan “lemah lembut” tetapi biasa. Perkara yang demikian ini kita harap mendapat perhatian yang jauh dan dalam serta tenang daripada pembaca-pembaca – tidak mudah tercebur kepada anasir-anasir yang dari satu ke suatu masa membuat berbagai-bagai ikhtiar untuk menghidupkan anasir-anasir mereka masuk ke dalam jiwa kita yang payah kita hendak mempertahankannya kerana tidakkah “lebih payah melawan musuh di dalam selimut?”

Ada sebahagian orang berpendapatan bahawa pertubuhan-pertubuhan yang berdasar kebangsaan itu “ikhlas” kepada agamanya.

Pendapatan ini tidak benar kerana menurut pengajaran Islam dan pengajara junjungan kita Muhammad shalla Allāh ‘alaihi wa sallam kebangsaan itu adalah penyekat kepada kesatuan Islam dan kebangsaan itu adalah kebangsaan jahiliah yang diharamkan oleh Islam. Kebangsaan yang halal ialah kebangsaan yang mengikut hukum-hukum Allah.

Payah dapat difahamkan apa sebab-sebab yang boleh menaikkan radang Sir Jeneral Templer ketika ia menempelak, menengking herdik dan memberi suatu gelaran cemar kepada A. Abdul Aziz Ishak seorang daripada tiga orang wartawan yang dipilih oleh suatu lembaga pengarang surat khabar-surat khabar di Malaya dan Singapura untuk pergi ke Britain kerana memberitakannya istiadat kemahkotaan dengan belanja dan kelolaan pejabat menteri jajahan di London. Mestikah pilihan raya ini bermakna A. Abdul Aziz seorang wartawan yang layak atau adakah ia dipilih dengan sifat menjadi calon akhbar saudaranya utusan Melayu yang dengan letak kedudukannya pada masa ini sebagai sebuah akhbar Melayu yang tertua sekali? Tidaklah hairan jika A. Abdul Aziz Ishak dipilih kerana lembaga pengarang-pengarang itu tak dapat tiada berpendapatan patut memilih di antaranya seorang wartawan Melayu.

Sesungguhnya kehadiran sultan-sultan Melayu dalam majlis istiadat kemahkotaan itu ialah seperkara kegemaran orang ramai Melayu dan rakyat-rakyat yang setia kerana perangkatan baginda-baginda itu sebagai raja dan ketua negeri masing-masing dari itu apakah pendirian A. Abdul Aziz Ishak yang sengaja mengada-adakan suatu budasan yang mencerca istimewa pula membawa perkara yang harus membangkitkan kebencian atas tuduhan yang boleh dipandang kononnya raja-raja Melayu tidak menghormati agama seperti tidak berpuasa pada hal syarak mengharuskan mereka itu sebagai musafirin.

Tatkala fikiran-fikiran yang membina atas maslahat dan kebajikan raya wajib dihormati dan hak-hak kebebasan

surat khabar sentiasa wajib dipelihara dan dipertahankan, hendaklah sekalian yang berkenaan menyempurnakan kewajipan terlebih dahulu. Bagaimana boleh seorang mengharapkan kehormatan manakala ia tidak tahu menghormati dirinya. Sesiapa yang zahirkan tulisan itu bercenderung kepada persamaan mengeji dan fitnah tentulah akan menerima sahutan yang seumpama itu. Apabila utusan Melayu menyebarkan berita-berita wakilnya tentulah ia suka menggalang gantinya tetapi tiada dapat dinafikan bahawa pilihan dan kecekapan seorang wartawan Melayu itu boleh meninggikan mutu perusahaan akhbarnya dan makam wartawan-wartawan Melayu umum demikian juga sebaliknya. Apabila A. Abdul Aziz Ishak menerima tawaran ke London tentulah ia sedarkan kewajipan dan kedudukannya iaitu memberitakannya istiadat dan perayaan kemahkotaan dengan tujuan menjadikan suatu kenangan-kenangan. Menyemai perasaan muhibah dan meneguhkan perhubungan negeri-negeri dan umat-umat Commonwealth tetapi dengan dukacita setengah-setengah bertanya terkeluar daripada maudhu‘ dan menafikan kebajikan serta memuramkan cahaya istiadat itu.

Jawatankuasa perayaan kemahkotaan puak Arab, Singapura tiada berkenankan tulisan seorang penulis dalam akhbar Inggeris yang menyatakan mereka tidak mengambil bahagian di dalam perayaan kemahkotaan di Singapura. Sebenarnya mereka ada mengambil bahagian iaitu dengan jalan bersekutu dalam perayaan kemahkotaan puak muslimin dan mereka bersama-sama menderma. Derma yang lebih daripada belanja perayaan itu khabarnya hendak dijadikan *scholarship*. Orang-orang Arab terbilang kaya-raja dengan hasil rumah-rumah sewanya. Ada yang mengeluarkan zakat, ada yang tidak dan ada pula yang hanya mengeluarkan setitik sahaja daripada yang diwajibkan atasnya. Apakah jika dikatakan orang-orang arab di Singapura tidak berzakat – salahkah? Adapun yang kaya semua beralih angin keluar negeri hampir-hampir bulan Ramadhan dan balik sebulan dua kemudian. Adakah ini suatu taklid?

Menurut berita “antara” bahawa Jaksa Agung (*Attorney General*) Indonesia telah mengeluarkan suatu surat siaran yang kandungannya menegah orang-orang yang memberi syarah (pidato) dan memperkatakan siasah pada waktu mengadakan solat dan khutbah di masjid-masjid dan di gereja-gereja serta di surau-surau dan tempat-tempat pelajaran agama. Tegahan itu adalah dikatakan mengikut undang-undang negara 1919 (undang-undang yang ditaja Belanda?? – P) dengan kerana telah berlaku beberapa kejadian mengenai dakwah dan serangan-serangan daripada sekelongan agama dengan agama yang lain.

Tegahan ini adalah dipandang sangat menghalang kemajuan agama Islam di Indonesia sebab agama Islam itu tidak dapat diasingkan daripada siasah.

Mohammad Natsir, ketua agung Masyumi tatkala ditanya tentang ini oleh akhbar “abadi” berkata bahawa ia tidak cukup faham bagaiman tegahan itu dapat dilaksanakan “kerana” katanya, “Islam menyalahkan kita mengeluarkan siyasah daripada agama.” Oleh itu, katanya, dalam membentangkan ajaran-ajaran Islam, di mana jua hal ini dilakukan, orang dapat tentukan tidak menyingkap-nyingkap soal-soal yang dinamakan politik., sosial, ekonomi dan lain-lainnya.

Aruji Kertawinata daripada Parti Sarekat Islam Indonesia dan Pengurus Liga Muslimin Indonesia di dalam kenyataannya menyatakan bahawa “agama Islam tidak mengenal perpisahan di antara “gereja dan negara”. Perintah “Jaksa Agung” itu adalah memberi makna yang sempit kepada erti kepada agama Islam dan tegahan itu harus kelak akan membawa perselisihan-perselisihan yang tidak digemari terutamanya di daerah-daerah di Indonesia.

Tegahan memperkatakan siyasah di dalam masjid-masjid dan khutbah-khutbah di masjid-masjid dan di tempat-tempat agama itu sebenarnya dijalankan masa pemerintahan Belanda dahulu dan ambilan undang-undang yang digunakan itu pun undang-undang yang ditaja dalam masa penjajahan itu. Tidak diketahui apakah tujuan

langkah itu diambil. Boleh jadi langkah itu sebagai suatu cara supaya di dalam pemilihan umum di Indonesia yang akan datang orang-orang Islam tidak dapat menggunakan masjid dan lain-lainnya untuk menyeru mereka membela dan memuliakan agama Allah supaya menjadi khalifah di bumi-Nya (Indonesia).

Harus orang-orang Islam Indonesia khasnya akan mengadakan bantahan yang keras dalam perkara ini. Ini adalah suatu bukti yang nyata akan kedudukan orang-orang Islam di Indonesia dengan orang-orang ahli kebangsaan yang banyak memegang teraju pemerintahan di Indonesia.

Ini satu tauladan kepada umat Islam di Malaya – ingatlah supaya lekas kita bersatu dan mengadakan persatuan kerana kalau-kalau nanti ada undang-undang mencampuri agama yang dianjurkan oleh musuh-musuh Islam atau orang-orang yang bertopengkan Islam, apa akan jadi kepada kita?!

Sosial Club telah ditubuhkan di Singapura. Di antara sebegitu banyak yang hadir hanya khabarnya 4 orang perempuan sahaja yang beserta di dalamnya. Tidak diketahui adakah perempuan-perempuan itu lagi “segan-segan” bersama-sama di hadapan ramai – tidaklah diketahui.

Diberitakan juga suatu jawatankuasa telah dilantik dan di antara nama-nama yang menjadi ahli-ahli jawatankuasa itu ada seorang ustaz. Lazimnya perkataan “ustaz” itu dipandang oleh orang-orang awam ialah guru agama dan jika ia seorang guru agama sudah tentu ustaz itu menghalalkan percampuran di antara lelaki dan perempuan yang ditegah oleh Allah di dalam firman-Nya pada surah al-Nur.

Boleh jadi juga “ustaz” itu dinamakan guru sahaja – kalau itu mengenanya tentu serbaneka boleh jadi sebab guru ada macam-macam guru. Guru sosial, guru *dancing*, guru berzikir di dalam gelap dan sebagainya.